KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	29/11/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	19
JABATAN	:	JPSM			

139 hektar hutan simpan kekal paya di Bagan Datuk

BH 29.11.2021 19

Sungai Siput: Kerajaan Perak mewartakan lebih 139 hektar tanah di Bagan Datuk sebagai hutan simpan kekal jenis paya laut khusus bagi penanaman pokok bakau.

Menteri Besar, Datuk Seri Saarani Mohamad, berkata kelulusan diberikan menerusi Mesyuarat EXCO pada September lalu.

Katanya, keluasan yang diluluskan itu termasuk keseluruhan kawasan yang dicadangkan untuk warta masuk hutan simpan kekal di seluruh Perak, sejak Oktober 2018 membabitkan keluasan 1,741.2 hektar.

"Majlis Mesyuarat Kerajaan negeri sudah meluluskan cadangan 1,741.2 hektar hutan simpan kekal baharu seluruh Perak, termasuk hutan paya di Bagan Datuk, Daerah Hutan Perak Selatan seluas 139.21 hektar," katanya pada sidang media selepas merasmikan Program Penghijauan Malaysia Peringkat Perak: Penanaman Pokok ke-2 juta, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Datuk Ahmad Suadi Abdul Rahim; Pegawai Kewangan negeri, Datuk Zulazlan Abu Hassan dan Pengarah Perhutanan negeri, Datuk Mohamed Zin Yusop.



Saarani (dua dari kiri) pada Program Penghijauan Malaysia Peringkat Perak: Penanaman Pokok ke-2 juta di Sungai Siput, semalam. (Foto Muhammad Zulsyamini Sufian Suri/BH)



Rahilah pada Program Tanam Pokok anjuran bersama MPKS dengan kerjasama Enquest Petroleum Development Malaysia dan Malaysian Nature Society di Taman Alam Kuala Selangor, semalam. (Foto Ihsan MPKS)

Saarani mengulas kenyataan Sahabat Alam Malaysia (SAM) melalui Penyelidik Lapangannya, Meor Razak Meor Abdul Rahman yang menyarankan kerajaan negeri mewujudkan kembali hutan simpan kekal di daerah Bagan Datuk dan Hilir Perak bagi mengawal limpahan air laut susulan fenomena air pasang besar, baru-baru ini.

Di **Kuala Selangor**, penanaman 400 pokok bakau di kawasan seluas 900 meter persegi dijangka dapat menangani hakisan ombak dan fenomena air pasang besar.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS), Rahilah Rahmat, berkata spesies pokok itu terbukti mampu menghalang hakisan disebabkan hempasan ombak kuat dan kejadian tsunami seperti yang berlaku di Langkawi, sebelum ini.

Katanya, penanaman pokok bakau juga dapat mengurangkan risiko banjir ketika air pasang besar.